




MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)  
Anugerah Persuratan 2023  
d/a Singapore Book Council  
Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053  
Email: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

**SIARAN MEDIA (Diembargo sehingga 1.00 tgh, Sabtu, 11 November 2023)**

**ANUGERAH PERSURATAN 2023**

**PENGIFTIRAFAN UNGGUL BAGI 4 PENULIS MELAYU SINGAPURA;  
JAMAL ISMAIL MENERIMA ANUGERAH TUN SERI LANANG**



11 November 2023 – Majlis Anugerah Persuratan (AP) yang diadakan pada Sabtu, 11 November 2023 telah mengiktiraf penulis-penulis watan yang unggul. Majlis tersebut telah diadakan di Muzium Tamadun Asia (Asian Civilisations Museum) dan diserikan oleh tetamu kehormat Puan Josephine Teo, Menteri Perhubungan dan Penerangan dan Menteri Kedua Ehwal Dalam Negeri. Dalam majlis tersebut, Dr Azhar Ibrahim, Penggerusi Jawatankuasa Persuratan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) yang juga merupakan Ketua Penilai bagi Anugerah Persuratan dan Puan Josephine Teo telah menyampaikan ucapan masing-masing.



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)  
Anugerah Persuratan 2023  
d/a Singapore Book Council  
Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053  
Email: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

**Encik Jamal Ismail** dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tun Seri Lanang untuk edisi Anugerah Persuratan 2023. Beliau juga telah menerima Hadiah Persuratan dalam kategori Novel untuk bukunya yang berjudul *Mustafa: Epik Kerohanian Seorang Kiai*. Beliau seorang penulis yang tidak asing di Singapura. Melalui pengkaryaannya, beliau telah banyak menyumbang bakti kepada masyarakat dan memberikan bimbingan kepada penulis baharu. Beliau telah mengadakan beberapa bengkel penulisan dan menyertai acara-acara Bulan Bahasa dan Pesta Penulis Singapura (Singapore Writers Festival) sebagai pembicara.

Sepanjang pelibatannya dalam bidang persuratan, Encik Jamal Ismail meneroka pelbagai genre penulisan, termasuk teater, radio dan skrip televisyen, puisi, esei, cerita pendek dan novel. Encik Jamal juga telah memenangi banyak anugerah di dalam dan di luar negara. Penganugerahan yang diterimanya baru-baru ini termasuklah Hadiah Sastera bagi bahagian Cerpen dan Novel untuk karya *GOD(A)* dan *Tunjuk Langit* (Anugerah Persuratan, 2020/2021).

**Encik Khairool Haque**, seorang penulis dan guru Bahasa Melayu telah dipilih sebagai penerima Anugerah Harapan. Berusia 31 tahun, Encik Khairool Haque juga menerima Hadiah Persuratan bagi bahagian Sajak untuk bukunya yang berjudul *Anak Waktu Belajar Diam*. Beliau yang telah berkecimpung dalam dunia persuratan sejak di bangku sekolah telah menerima anugerah bagi bahagian Sajak untuk Golden Point Award 2009, seawal usia 17 tahun. Pada tahun 2021, beliau juga telah dilantik sebagai Sahabat Sastera oleh MBMS. Beliau terus aktif mengadakan perkongsian dan mengendalikan bengkel-bengkel penulisan.

**Cik Raudhah Binte Alias**, seorang guru prasekolah, telah dipilih sebagai penerima Hadiah Persuratan dalam kategori Sastera Kanak-kanak bagi karyanya yang bertajuk *Feri Menjaga Kelestarian Laut* yang menggambarkan peri pentingnya menjaga alam sekitar. Kemenangan ini merupakan penganugerahan pertama beliau dalam bidang penulisan.



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)  
Anugerah Persuratan 2023  
d/a Singapore Book Council  
Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053  
Email: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

**Encik Farihan Bahron**, penerima Anugerah Harapan untuk Anugerah Persuratan 2017, sekali lagi diiktiraf sebagai penerima Hadiah Persuratan. Karyanya yang berjudul *Kepala Kotak* menerima anugerah bagi kategori Cerpen. Baru-baru ini, beliau juga telah menerima Anugerah Penghargaan Sasterawan Muda Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera), yang diberikan oleh Mastera Indonesia. Beliau aktif dalam memberikan ceramah dan bimbingan kepada penulis-penulis yang baru ingin berjinak-jinak dalam bidang penulisan.

Untuk edisi ini, Anugerah Persuratan menyampaikan Hadiah Penghargaan kepada beberapa orang penulis. Hadiah Penghargaan pada tahun ini diberikan untuk bahagian Drama (untuk Pentas) dan Esei/Kajian Sastera bagi menggalakkan penulis untuk terus berkarya dan menghantarkan karya-karya mereka untuk dinilai.

#### **Tentang Anugerah Persuratan:**

Bermula pada 1993, acara dwitahunan ini merupakan usaha berterusan MBMS untuk mengiktiraf para penulis tempatan dalam bidang persuratan Melayu. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan penerbitan karya bermutu, serta memasyarakatkan bidang persuratan. Anugerah Persuratan 2023 dianjurkan oleh MBMS dan diuruskan Majlis Buku Singapura (SBC), dengan sokongan Lembaga Warisan Kebangsaan (NHB) dan Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY).

Berikut merupakan senarai anugerah yang diberikan semasa majlis Anugerah Persuratan 2023.

No.	Anugerah	Penerima Anugerah
1.	Anugerah Tun Seri Lanang	Jamal Ismail
2.	Anugerah Harapan	Muhammad Khairool Haque

No.	Hadiah Persuratan	Penerima Anugerah	Judul Buku
1.	Cerpen	Farihan Bahron	<i>Kepala Kotak</i>



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)  
Anugerah Persuratan 2023  
d/a Singapore Book Council  
Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053  
Email: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

2.	Novel	Jamal Ismail	<i>Mustafa: Epik Kerohanian Seorang Kiai</i>
3.	Sajak	Muhammad Khairool Haque	<i>Anak Waktu Belajar Diam</i>
4.	Sastera Kanak-kanak	Raudhah Binte Alias	<i>Feri Menjaga Kelestarian Laut</i>

No.	Hadiah Penghargaan	Penerima Anugerah	Judul Buku
1.	Drama (untuk Pentas)	Anwar Hadi Bin Ramli	<i>RASALah</i>
2.	Esei/ Kajian Sastera	City Mazita Binte Maswadi	<i>Jervoisku Meniti Masa</i>

*Sila lihat **Lampiran A** untuk maklumat lanjut mengenai barisan penerima anugerah dan karya mereka.*

Panggilan terbuka bagi penyertaan karya dibuka dari 27 Mac sehingga 10 Mei 2023. Anugerah Persuratan 2023 menerima sebanyak 69 penyertaan karya dalam bentuk buku kumpulan dan antologi untuk enam kategori. Panggilan terbuka juga menerima pencalonan bagi Anugerah Tun Seri Lanang, Anumerta Tun Seri Lanang dan Anugerah Harapan.

Penilaian karya bagi Hadiah Persuratan Anugerah Persuratan 2023 pada dasarnya ditujukan pada karya asli dalam bahasa Melayu. Buku berkenaan dihasilkan oleh warganegara atau penduduk tetap Singapura yang diterbitkan pada tahun 2020, 2021 atau 2022, sama ada di Singapura atau di luar negara. Buku berkenaan juga harus memiliki izin terbit ISBN untuk menentukan kesahihannya.

*Sila lihat **Lampiran B** untuk maklumat lanjut mengenai anugerah yang diberikan.*



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)  
Anugerah Persuratan 2023  
d/a Singapore Book Council  
Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053  
Email: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Cik Hanis Husin

Urus Setia, Majlis Buku Singapura

E-mel: hanis@bookcouncil.sg

**Dianjurkan oleh: Diuruskan oleh: Disokong oleh:**




**National  
Heritage  
Board**





## LAMPIRAN A

### PENERIMA ANUGERAH TUN SERI LANANG DAN ANUGERAH HARAPAN


No.	Penerima Anugerah	Latar Ringkas
1.	 Jamal Ismail Anugerah Tun Seri Lanang	Selain menulis cerpen dan novel, Jamal Ismail juga seorang penyiar yang mapan. Dalam bidang penyiaran, beliau aktif sebagai penulis skrip televisyen, sutradara, penerbit eksekutif dan penerbit rancangan-rancangan drama dan dokumentari. Beliau merupakan pemenang Anugerah Loheh Noor dari Kementerian Penerangan Republik Islam Iran tahun 1997 untuk dokumentari Islam dan Anugerah Skrin TV3 Malaysia untuk telemovie dan siri drama pada tahun 2011 dan 2013. Penganugerahan yang diterimanya baru-baru ini termasuklah Hadiah Sastera bagi bahagian Cerpen dan Novel untuk karya <i>GOD(A)</i> dan <i>Tunjuk Langit</i> (Anugerah Persuratan, 2020/2021).
2.	 Muhammad Khairool Haque Anugerah Harapan	Muhammad Khairool Haque seorang penulis dan pendidik yang kini melanjutkan pengajian di Institut Pendidikan Nasional (NIE). Sebelum ini beliau mengajar Bahasa Melayu di beberapa buah sekolah rendah i Singapura. Beliau telah memenangi Hadiah Pena Emas bagi puisi pada tahun 2009 dan Hadiah Penulis Muda ASEAN pada tahun 2014. Antara karya beliau ialah himpunan puisi <i>Iftitah</i> (2019) dan <i>Anak Waktu Belajar Diam</i> (2020). Selain menulis karya kreatif, beliau juga mengkaji dan menulis tentang



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)  
Anugerah Persuratan 2023  
d/a Singapore Book Council  
Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053  
Email: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

		<p>persuratan Melayu. Pada tahun 2021, beliau juga telah dilantik sebagai Sahabat Sastera oleh MBMS.</p>
--	--	--

## SENARAI PENERIMA HADIAH PERSURATAN

No.	Gambar	Butiran Lanjut
1.	 	<p><b>Nama:</b> Farihan Bahron</p> <p><b>Latar ringkas:</b> Farihan Bahron seorang penerima Anugerah Sasterawan Muda Mastera 2023 dan Anugerah Harapan 2017. Beliau pernah memenangi beberapa sayembara penulisan kreatif termasuklah Peraduan Asah Bakat 1998, Anugerah Pena Bakti 2000, Anugerah Pena Emas 2003 dan 2015, Mencari Kristal 2016, dan Sayembara Puisi Kata-Pilar 2020. Kumpulan sajaknya, Tukang Tunjuk Telunjuk, memenangi Hadiah Sastera Singapura 2018 dan Anugerah Persuratan 2021; manakala kumpulan cerpennya, <i>Kepala Kotak</i>, meraih Hadiah Sastera Singapura 2022.</p> <p><b>Kategori:</b> Cerpen</p> <p><b>Tajuk:</b> <i>Kepala Kotak</i></p> <p><b>Penerbit:</b> Unggun Creative</p>



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)  
Anugerah Persuratan 2023  
d/a Singapore Book Council  
Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053  
Email: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

		<p><b>Sinopsis:</b></p> <p>Kumpulan cerpen <b>Kepala Kotak</b> oleh Farihan Bahron menyajikan 15 buah cerpen yang ditulis dari 2017 hingga 2021. Tema-tema yang diangkat dalam kumpulan ini merangkumi pergelutan antara manusia dengan teknologi dan dunia masa depan.</p>
2.	 A composite image showing a portrait of author Jamal Ismail on top and the book cover of 'Mustafa: Epop Kerohanian Seorang Kiai' by Jamal Ismail at the bottom. The book cover features a silhouette of a man in traditional attire against a sunset background with the title 'Mustafa' in large yellow letters and the subtitle 'EPIK KEROHANIAN SEORANG KIAI'. The author's name 'JAMAL ISMAIL' is at the bottom.	<p><b>Nama:</b> Jamal Ismail</p> <p><b>Kategori:</b> Novel</p> <p><b>Tajuk:</b> <i>Mustafa: Epop Kerohanian Seorang Kiai</i></p> <p><b>Penerbit:</b> Majlis Pusat Singapura</p> <p><b>Sinopsis:</b></p> <p>Novel hagiografi ini berlatarkan peristiwa sejarah pemberontakan askar Sepoi di Singapura 100 tahun yang lalu.</p> <p>Cerita ini mengikuti sudut pandangan Tengku Hamzah, seorang anak raja Johor, yang menceritakan kisah Kiai Mustafa pada 1914-1915, seorang tuan guru yang sangat dihormatinya. Walaupun Tokoh istimewa ini menghadapi tentangan daripada penjajah British, fitnah, dan ancaman kematian, beliau tetap tabah dengan keyakinannya bahawa Islam ialah agama sejahtera. Melalui pengalaman dan ajaran rohaniah, diceritakan bagaimana Kiai terus berjuang untuk menyebarkan Islam di tengah-</p>



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2023

d/a Singapore Book Council

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

Email: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

		<p>tengah masyarakat Singapura dan Malaysia yang dilanda perang Dunia Pertama.</p>
3.	 	<p><b>Nama:</b> Muhammad Khairool Haque</p> <p><b>Kategori:</b> Sajak</p> <p><b>Tajuk:</b> <i>Anak Waktu Belajar Diam</i></p> <p><b>Penerbit:</b> Unggun Kreatif</p> <p><b>Sinopsis:</b> <i>Anak Waktu Belajar Diam</i> merupakan kumpulan 55 sajak buat pemuda yang mendewasa. Sajak-sajak dalam buku ini penuh dengan peribahasa yang dianggap sebagai warisan puisi Melayu, mengusung tema dan pesan untuk membentuk, membangun peribadi, dan mengendalikan emosi dalam diri manusia dengan harapan agar dapat menjadi manusia yang lebih baik dan bermanfaat.</p> <p>Penyair mengajak pembaca untuk mengecap hikmat dari generasi terdahulu, sambil berjalan sebagai seorang anak waktu yang memahami kebijaksanaan dalam kesunyian dan diam dan juga untuk berbicara dan menyuarakan dalam keheningan dan diam.</p>



4.	 	<p><b>Nama:</b> Raudhah Binte Alias</p> <p><b>Latar ringkas:</b> Raudhah merupakan seorang guru tadika dan telah mengajar kanak-kanak prasekolah lebih daripada 20 tahun. Beliau menerima Anugerah Guru Cemerlang Bahasa Ibunda Prasekolah dengan Merit pada tahun 2019.</p> <p>Raudhah gemar menulis cerita kanak-kanak untuk meluaskan imaginasi dan kreativiti mereka. Hal ini dapat mencetuskan minat mereka untuk mempelajari Bahasa Ibunda. Minat membaca dan menulis juga dapat membina asas kemahiran bahasa dan literasi kanak-kanak.</p> <p><b>Kategori:</b> Sastera Kanak-Kanak</p> <p><b>Tajuk:</b> <i>Feri Menjaga Kelestarian Laut</i></p> <p><b>Penerbit:</b> Pustaka Nasional</p> <p><b>Sinopsis:</b> Karya ini menggambarkan kepentingan menjaga alam sekitar. Kisah ini bermula dengan Feri yang sedang bersiar-siar di laut yang dipenuhi sampah plastik yang merata-rata. Apabila terdapat banyak ikan mati kerana memakan sampah plastik tersebut, Feri menyesal. Maka bermulalah pengembaraan Feri dan Kayan untuk mencari</p>
----	---	--



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)  
Anugerah Persuratan 2023  
d/a Singapore Book Council  
Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053  
Email: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125


		kapal yang telah mengotorkan laut itu dan usaha mereka untuk membersihkan laut.
--	--	---

## SENARAI PENERIMA HADIAH PENGHARGAAN

No.	Gambar	Butiran Lanjut
1.	 	<p><b>Nama:</b> Anwar Hadi Bin Ramli</p> <p><b>Latar ringkas:</b></p> <p>Anwar Hadi Ramli adalah seorang penggiat, pengarah, penulis, pelakon dan pendidik seni teater. Sejak 2003 beliau telah terlibat dalam sekurang-kurangnya 90 pementasan penuh, tidak termasuk pementasan-pementasan kecil bagi acara-acara kemasyarakatan.</p> <p><b>Kategori:</b> Drama (untuk Pentas)</p> <p><b>Tajuk:</b> <i>RASAlah</i></p> <p><b>Penerbit:</b> Anwar Hadi Bin Ramli</p> <p><b>Sinopsis:</b></p> <p>Kompilasi 3 pementasan <i>Bagaimana Kalau Gentar Gegarannya?</i>, <i>Mahameru</i>, dan <i>Kurun Yang Hilang</i>.</p> <p>Karya-karya yang dibukukan ini telah pun dipentaskan untuk acara-acara nasional seperti</p>



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)  
Anugerah Persuratan 2023  
d/a Singapore Book Council  
Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053  
Email: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

		Gentarasa 2012 dan sambutan Dwiabad Singapura pada tahun 2019.
2.	 	<p><b>Nama:</b> City Mazita Binte Maswadi</p> <p><b>Latar ringkas:</b> City Mazita seorang ahli alumni Sekolah Rendah Jervois Barat sejak tahun 2010 yang aktif mengadakan acara besar-besaran untuk mantan guru-guru dan pelajar-pelajar.</p> <p><b>Kategori:</b> Esei/Kajian Sastera</p> <p><b>Tajuk:</b> <i>Jervoisku Meniti Masa</i></p> <p><b>Penerbit:</b> City Mazita Binte Maswadi</p> <p><b>Sinopsis:</b> Sebuah biografi lengkap mengenai sejarah dan kehidupan di sebuah sekolah Melayu bernama Sekolah Rendah Jervois Barat (JWPS) sebelum ia ditutup selepas 30 tahun semenjak tahun 1959.</p> <p>Buku ini dipenuhi dengan rakaman yang unik seperti dokumentasi gambar, ilustrasi, keratan akhbar, dan perkongsian pengalaman melalui sesi wawancara serta sumbangan artikel dan karya kreatif.</p>



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2023

d/a Singapore Book Council

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

Email: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

		<p>ia juga membincangkan bagaimana sekolah ini kini telah berkembang kepada standard hari ini untuk menyediakan pendidikan sepanjang hayat kepada murid-murid agar mereka dapat memajukan diri dalam pelbagai aspek kehidupan.</p>
--	--	--



## Lampiran B

### Hadiah Persuratan dan Penganugerahan

#### Hadiah Persuratan

Setiap penerima akan menerima wang tunai \$3,500, trofi dan sijil pencapaian.

Satu Anugerah Sastera akan diberikan bagi setiap kategori berikut:

Bidang	Nota
Cerpen	
Drama (untuk Pentas)	Hadiah Penghargaan
Esei / Kajian Sastera	Hadiah Penghargaan
Novel	
Sajak	
Sastera Kanak-Kanak	

#### Kriteria Kategori

Buku yang disertakan haruslah telah diterbitkan pada tahun 2020, 2021 atau 2022.

- I. **Esei / Kajian Sastera** – Buku esei sastera atau buku kajian sastera yang dihasilkan secara perseorangan atau kolektif yang diterbitkan dalam tahun penilaian.
- II. **Kumpulan/Antologi** – ‘Kumpulan’ bererti koleksi penulis perseorangan. ‘Antologi’ pula ialah koleksi karya bersama penulis yang lain. Sama ada kumpulan atau antologi, buku berkenaan hendaklah mengandungi tidak lebih daripada dua pertiga karya-karya yang telah disiarkan dalam tempoh lima tahun (termasuk karya-karya yang diterbitkan dalam tahun penilaian). Buku tersebut juga masih boleh dinilai jika dimuatkan dengan karya-karya yang pernah memenangi Hadiah Sastera atau Hadiah Penghargaan yang lalu tetapi tidak boleh melebihi 10% daripada kandungan keseluruhan buku tersebut.
- III. **Novel** – Novel yang diterbitkan dalam tahun penilaian.



- IV. **Sastera kanak-kanak** merupakan kategori baharu yang diperkenalkan pada tahun 2017. Buku tersebut haruslah yang diterbitkan dalam tahun penilaian.
- V. **Drama (untuk Pentas)** – Skrip drama pentas, sama ada satu skrip atau kumpulan skrip, yang telah diterbitkan dalam tahun penilaian.

#### Anugerah Tun Seri Lanang

Anugerah Tun Seri Lanang (yang bernilai \$5,000) diperuntukkan kepada seorang tokoh persuratan yang memiliki nilai unggul sebagai:

- i) tokoh seni yang ulung di mata masyarakat berbilang kaum dan budaya Singapura;
- ii) tokoh antarabangsa melalui pengiktirafan karya besar mereka;
- iii) pejuang seni dalam erti kata menggunakan sebahagian besar usia dan kehidupan mereka untuk menyubur dan menyemarakkan bidang yang dihayati; atau
- iv) penyumbang dan pemaju pemikiran masyarakat dalam konteks pembangunan melalui karya mereka (dalam bentuk kreatif atau bukan kreatif); dan
- v) tokoh teladan yang menimba ilmu sepanjang hayat demi meningkatkan mutu karya dan ketukangannya dalam bidang persuratan.

Geran bernilai \$3,500 diberikan kepada sesiapa yang bertauliah dan ingin mengkaji ketokohan, keilitizaman, sumbangsan, pemikiran dan alam penulisan tokoh yang terpilih.

#### Anumerta Tun Seri Lanang

Anumerta Tun Seri Lanang diberikan bagi mengenang tokoh persuratan yang telah meninggal dunia. Kriteria pemilihan tokoh sama seperti Anugerah Tun Seri Lanang.

Hadiah (yang bernilai \$2,000) akan diberikan kepada keluarga tokoh dan \$3,500 lagi dalam bentuk geran kepada sesiapa sahaja yang bertauliah dan ingin menulis



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2023

d/a Singapore Book Council

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

Email: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

mengenai ketokohan, pemikiran dan falsafah, iltizam dan sumbangan Tokoh Anumerta ini.

*Nota: Tiada penerima Anugerah Anumerta Tun Seri Lanang bagi Anugerah Persuratan 2023.*

### Anugerah Harapan

Anugerah Harapan (yang bernilai \$3,000) diperuntukkan untuk penulis di bawah usia 40 tahun yang menampakkan potensi dalam bidang persuratan sama ada:

- i) menjadi teraju utama kepada usaha-usaha menggerakkan bidang persuratan; baik cerpen, sajak, novel, drama, karya bukan sastera dan sebagainya;
- ii) menggunakan masa untuk berkongsi ilmu dan kemahirannya dalam bidang persuratan kepada golongan muda atau pelajar; dan
- iii) menghasilkan karya yang memberikan isi dan nilai tambah dalam penulisan kreatif dan bukan kreatif sama ada dalam bentuk media bercetak atau elektronik untuk memajukan pemikiran masyarakat dalam konteks pembangunan negara.